

22/06/1999

Pelantikan Razaleigh usaha awal tawan Kelantan

KUALA LUMPUR, Isnin - Pemimpin Barisan Nasional (BN) peringkat negeri dan Pusat menyokong penuh pelantikan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan yang disifatkan sebagai usaha awal BN untuk menawan semula negeri itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata Tengku Razaleigh diharap dapat memimpin Umno dan parti komponen BN Kelantan untuk menjamin kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

"Tengku Razaleigh adalah anak Kelantan dan orang yang sudah lama memimpin Umno di negeri itu, selain mempunyai banyak pengalaman dalam hal politik.

"Saya percaya kemampuannya untuk memimpin Umno Kelantan ... tentulah akan dapat memberi harapan kepada rakyat Kelantan untuk menyokong Umno," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pasukan petugas peringkat menteri untuk meningkatkan pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di Putrajaya, hari ini.

Abdullah yang juga Naib Presiden yang menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden Umno, mengulas pelantikan Tengku Razaleigh sebagai pengerusi badan berkenaan, menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memegang jawatan itu sejak 1990.

Pelantikan Tengku Razaleigh yang juga bekas Presiden Parti Semangat 46 dan bekas Naib Presiden Umno, diumumkan Perdana Menteri selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, malam tadi.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata pelantikan Ahli Parlimen Gua Musang itu kena pada masanya bagi memperkuatkan Umno Kelantan dalam menghadapi pilihan raya umum.

"Tengku (Razaleigh) kini mempunyai lebih banyak masa untuk turun ke bawah (berjumpa rakyat Kelantan)," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, juga yakin pelantikan Tengku Razaleigh dapat mengukuhkan Umno Kelantan.

"Saya pasti ahli Umno menyambut baik pelantikan itu dan dapat memberi kerjasama sepenuhnya kepada Tengku Razaleigh," katanya.

Di KUCHING: Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Annuar Musa, berharap pelantikan Tengku Razaleigh bukan saja menjadi berita gembira, malah sepatutnya diterima ahli Umno terutama di Kelantan bagi memperkuatkan lagi Umno di negeri itu.

Beliau yang tidak menghadiri mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri itu malam tadi kerana terpaksa ke Sarawak atas tugas-tugas rasmi, juga berkata pelantikan itu menandakan Dr Mahathir sudah melupakan sama sekali soal perbezaan pendapat, pertandingan dan perpecahan dahulu.

"Keutamaan sekarang ialah memperkuatkan parti kerana BN dan Umno yang kuat dapat membentuk kerajaan lebih baik, sekali gus segala rancangan pembangunan dapat dilaksanakan.

"Ini juga menandakan rakyat Kelantan akan diselamatkan daripada Pas yang hanya pandai menggunakan slogan dan janji-janji kosong," katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, berkata semua ahli badan berkenaan membuat perakuan akan berdiri teguh di belakang Tengku Razaleigh dan bekerja bersungguh-sungguh.

"Malam tadi adalah detik bersejarah bagi Umno Kelantan kerana sebelum ini bekas penyokong Semangat 46 dan golongan veteran berasa tercicir

sedikit.

"Dengan menumpukan sepenuh tenaga ini, kita dapat mengatur kerja dengan tersusun dan teratur, sekali gus dapat mengambil balik Kelantan daripada Pas," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi, Datuk Ibrahim Ali yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pula berkata Tengku Razaleigh cukup pengalaman dan tahu selok-belok politik Kelantan, terutama kerendah Pas.

Menurutnya, semua pemimpin Umno Kelantan menerima keputusan itu dengan cukup gembira dan mempunyai semangat yang tinggi untuk berjuang bagi merampas Kelantan daripada Pas.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar, juga berkata pelantikan Tengku Razaleigh kena pada tempatnya berdasarkan pengalaman luas beliau dalam bidang politik dan pentadbiran.

Malah, menurutnya, bekas Menteri Kewangan itu mempunyai hubungan baik dengan semua pihak di Kelantan.

"Kita yakin beliau (Tengku Razaleigh) dengan dibantu (Datuk) Annuar Musa selaku Timbalan Pengerusi dapat menjalankan tugas dengan berkesan," katanya.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata pelantikan itu baik bukan saja kepada Umno Kelantan, malah untuk Umno secara keseluruhannya.

Menurutnya, pelantikan itu secara tidak langsung akan memperkukuhkan perpaduan dalam Umno.

Seorang lagi ahli MT, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir, berpendapat pelantikan Tengku Razaleigh akan menghilangkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli bekas S46, terutama di Kelantan.

"Saya fikir, ini adalah sebaik-baik keputusan dan memberi peluang terbaik merampas kembali Kelantan daripada Pas," katanya.

Setiausaha Agung MCA, Datuk Dr Ting Chew Peh, pula berkata pelantikan Tengku Razaleigh adalah pilihan tepat dalam usaha menawan semula Kelantan.

"Saya yakin pengalaman luasnya dalam Umno dapat digunakan sebaiknya untuk mendapatkan sokongan yang lebih kuat daripada rakyat Kelantan," katanya.

Di JOHOR BAHRU: Ketua Penerangan Umno Johor, Mohd Khaled Nordin, berkata Presiden Umno tahu apa yang terbaik untuk parti, lantas bersedia melepaskan jawatan berkenaan.

"Ini mencerminkan Dr Mahathir tidak tamak dan gilakan kuasa kerana sanggup berbuat apa saja demi kekuatan parti dan masa depan orang Melayu Kelantan," katanya.

Di PORT DICKSON: Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata Tengku Razaleigh masih berpengaruh dan boleh membawa kemenangan cemerlang kepada Umno dan BN dalam pilihan raya akan datang.

Di KOTA BHARU: Setiausaha Badan Perhubungan Pas negeri, Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, bagaimanapun menganggap perubahan yang berlaku dalam pimpinan Umno negeri itu sebagai perkara biasa.

(END)